



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK AZAH HANIM BINTI AHMAD
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR)
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**SEMPENA
MAJLIS PENUTUP SEEDS SYMPOSIUM 2025**

23 MEI 2025 | JUMAAT

**DEWAN BESAR
SETIA CITY CONVENTIN CENTRE, SHAH ALAM**

Assalamualaikum wbt dan Salam Malaysia Madani,

1. Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam Majlis Penutup SEEDS Symposium 2025 yang diadakan bersempena dengan AgTech International Agro Expo 2025.
2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan simposium ini, khususnya kepada Persatuan Biji Benih Nasional Malaysia (NSAM) selaku penganjur utama, serta rakan penganjur bersama – Jabatan Pertanian, MARDI dan Universiti Putra Malaysia serta AG Exhibition Sdn. Bhd.
3. Ucapan penghargaan juga saya tujukan kepada kepada para penceramah, moderator, peserta serta semua pihak dari sektor awam, swasta, akademik dan komuniti petani yang menjayakan simposium ini. Kehadiran hampir 4,000 peserta dari dalam dan luar negara, secara fizikal dan maya, sangat kami hargai dan mencerminkan komitmen kolektif untuk memajukan industri benih negara.

Sidang hadirin sekalian,

4. Simposium ini telah menjadi medan wacana yang berteraskan nilai-nilai **S.E.E.D.S** – *Sustainability, Education, Empowerment, Development and Success*. Sepanjang tiga hari ini, pelbagai topik telah berjaya dikupas merangkumi kelestarian benih, penyelidikan, inovasi, pemerkasaan petani dan potensi Malaysia sebagai hab benih serantau.

5. Dalam hal ini, kita perlu sedari bahawa benih bukan sekadar input asas pertanian, tetapi ia penentu utama kepada keterjaminan makanan. Dalam konteks perubahan iklim dan ketidaktentuan geopolitik global, benih berkualiti dan tahan lasak adalah aset strategik yang perlu diberi keutamaan.
6. Industri benih global kini dianggarkan bernilai USD 90 bilion (RM420 bilion) pada tahun 2024 dan dijangka mencecah USD 110 bilion (RM517 bilion) menjelang 2029. Permintaan tertumpu kepada benih bernilai tinggi seperti benih hibrid, tahan penyakit, tahan cuaca ekstrem dan benih berasaskan teknologi.
7. Namun begitu, kita harus akui bahawa tahap sara diri benih tempatan, khususnya bagi sayur-sayuran dan buah-buahan, masih rendah. Malaysia masih bergantung kepada import untuk lebih 90% keperluan benih sayuran – termasuk 100% untuk melon – dan menyumbang kurang daripada 0.2% dalam pasaran benih global.
8. Cabaran lain termasuk kekangan R&D, kekurangan varieti tempatan yang kompetitif, ketiadaan insentif menarik kepada pengeluar benih tempatan dan proses pensijilan varieti yang masih dianggap kompleks. Hubungan antara penyelidik, agensi, industri dan petani juga masih boleh diperkukuh untuk melahirkan ekosistem benih yang mampan dan berdaya saing.
9. Justeru, bagi memperkasa industri benih negara, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) kini merangka hala tuju baharu untuk menjadikan **Malaysia sebagai Hab Pengeluaran Benih Serantau dan Antarabangsa menjelang 2030**. Naratif ini berlandaskan tiga asas utama iaitu:

- i. Ketahanan dan keterjaminan makanan negara;
- ii. Kemandirian teknologi dan inovasi dalam pertanian; dan
- iii. Potensi eksport benih bernilai tinggi sebagai pemacu ekonomi.

10. KPKM turut mengenalpasti lima strategi utama bagi menjayakan aspirasi ini iaitu:

i. Pemerkasaan R&D dan inovasi benih;

KPKM komited untuk meningkatkan pelaburan dalam aktiviti pembiakbakaan varieti tempatan, termasuk memanfaatkan teknologi genomik, pembiakan molekul, AI, serta pendigitalan sumber genetik atau *germplasm* bagi pembangunan varieti yang lebih tahan penyakit, adaptif terhadap perubahan iklim dan menepati kehendak pasaran.

ii. Pembangunan infrastruktur dan ekosistem pengeluaran;

Kerajaan akan menubuhkan serta memperkukuh Pusat Kecemerlangan Benih (Seed Centre of Excellence) di peringkat negeri. Ini akan disokong dengan pembangunan ladang benih berlesen, makmal ujian benih bertaraf antarabangsa.

iii. Penggubalan dasar dan perundangan khusus;

KPKM sedang merangka dan merancang untuk membentangkan Rang Undang-Undang Kualiti Benih Tanaman (RUU KBT) di Parlimen menjelang akhir tahun 2025. Akta ini akan menjadi kerangka perundangan baharu yang mengawal selia aspek pensijilan, perakuan ketulenan

varieti, ketelusan rantai bekalan, serta perlindungan hak petani dan pengguna.

iv. Galakan pelaburan dan insentif;

Bagi merencanakan pertumbuhan industri, KPKM akan menyediakan insentif khas kepada pelabur tempatan dan asing yang terlibat dalam sektor benih. Selain itu, program padanan geran untuk aktiviti R&D dan komersialisasi varieti tempatan juga akan diperkenalkan bagi merangsang pengeluaran benih.

v. Perkongsian pintar awam-swasta-komuniti

Kejayaan strategi ini memerlukan kerjasama erat semua pemegang taruh. Oleh itu, KPKM akan mewujudkan platform kolaborasi berstruktur antara industri, kerajaan, akademik dan petani. Fokus utama ialah membina rangkaian inovasi yang menyeluruh, memperkasa usahawan tani muda, serta menggalakkan penggunaan teknologi pintar dalam industri benih.

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Apa yang telah dibincangkan sepanjang simposium ini harus diterjemahkan kepada tindakan. Bukan sekadar kesimpulan dan resolusi, tetapi kepada pelaksanaan bersama. Maka saya menyeru agar;
- i. **Penyelidik dan akademik** terus menghasilkan varieti inovatif yang sesuai dengan ekosistem tropika kita;
 - ii. **Pengeluar benih tempatan** memperkukuh kualiti dan ketulenan produk;

- iii. **Petani dan pengguna** memberikan maklum balas terhadap prestasi varieti dan amalan penanaman; dan
- iv. **Kerajaan** memainkan peranan aktif sebagai pemudah cara dalam dasar, insentif dan infrastruktur sokongan.

12. Malaysia kini berada dalam kedudukan strategik di tengah-tengah Asia Tenggara, dengan iklim pelbagai, rangkaian logistik yang mantap dan sumber manusia berkemahiran tinggi. Kita telah menyertai pelbagai platform antarabangsa seperti *Asia and Pacific Seed Alliance (APSA)*, *International Seed Federation (ISF)*, *Consultative Group on International Agricultural Research (CGIAR)* dan *International Rice Research Institute (IRRI)*. Malah, Malaysia bakal menjadi tuan rumah kepada *ISF World Seed Congress 2029* – bukti bahawa dunia mula memandang potensi negara ini dalam industri benih.
13. Sebagai contoh kejayaan sedia ada, Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) yang diperkenalkan oleh Jabatan Pertanian sejak tahun 2010 telah berjaya meningkatkan keyakinan pasaran terhadap bahan tanaman yang berkualiti. Sehingga tahun 2024, skim ini mencatatkan penyertaan lebih 350 nurseri berdaftar, dengan hampir 94 juta bahan tanaman dan 97 juta pokok induk diperakukan – merangkumi tanaman buah-buahan, herba serta kelapa matag dan kelapa pandan. Kejayaan ini membuktikan bahawa inisiatif pensijilan bahan tanaman mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan industri benih negara.

14. Selaras dengan usaha tersebut, pelbagai insentif turut disediakan kepada pengeluar benih tanaman tempatan, antaranya termasuk Projek Pengeluaran Benih Tanaman Berkualiti, Projek Pengukuhan Pengeluaran Benih Kelapa di bawah Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan dan Projek Pembangunan Kluster Herba. Inisiatif ini adalah untuk meningkatkan kecekapan dalam pengeluaran benih tanaman berkualiti bagi menampung permintaan petani tempatan dan juga menyokong segala projek-projek pertanian yang dilaksanakan bagi mencapai objektif yang disasarkan dan mengurangkan kebergantungan kepada import.
15. Saya percaya, dengan iltizam bersama dan sokongan padu antara semua pemegang taruh, Malaysia bukan sahaja mampu menjadi pengguna biji benih yang cekap, tetapi pengeluar dan pengeksport benih yang diyakini di peringkat global.
16. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Jabatan Pertanian dan NSAM serta semua pihak yang telah menjayakan simposium ini. Semoga segala idea dan jalinan kerjasama yang tercetus dapat membuahkan hasil demi masa depan pertanian dan keterjaminan makanan negara.

**“Bermula dengan satu benih,
kita bentuk masa depan makanan negara”**

17. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penutup SEEDS Symposium 2025.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum w.b.t.